

Peserta pelbagai kaum hadir Bengkel Kaligrafi Seni Khat dan Jawi di Kerinchi

Wilayahku 17-23 Jan 2020 M/S 3

Seronok belajar khat, tulisan jawi

Oleh **HELMI MOHD. FOAD**
helmiwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Bengkel Kaligrafi Seni Khat dan Jawi yang diadakan di Perpustakaan Awam Kerinchi di sini baru-baru ini menampilkan keunikan tersendiri apabila ia berjaya memupuk rasa harmoni dan mempelajari silang budaya.

Ini apabila program tersebut disertai masyarakat pelbagai kaum untuk turut sama memahami dan mengenali keindahan seni khat dan tulisan jawi.

Peserta yang terdiri dari kaum Melayu, Cina dan India bersama-sama mencuba dengan penuh minat melorekkan atas kertas yang tersedia dengan tulisan jawi.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil berkata, mempelajari seni khat dan tulisan jawi tidak sewajarnya menjadi isu kerana ia merupakan sebahagian daripada budaya dan warisan negara ini.

Justeru pihaknya ber-



FAHMI (berdiri, depan lima dari kiri) bergambar bersama peserta Bengkel Kaligrafi Seni Khat dan Jawi yang diadakan di Perpustakaan Awam Kerinchi baru-baru ini.

harap rakyat berbilang kaum di negara ini dapat memahami dengan lebih mendalam seni warisan negara itu.

"Kita jelas, bagi saya semua bentuk seni yang kita tonjolkan terutamanya seni khat dan tulisan jawi adalah sebahagian daripada budaya kita.

"Harapan saya agar kita boleh mengambil peluang untuk lebih memahami supaya jurang yang wujud

atau yang sengaja diwujudkan dapat diatasi," katanya ketika berucap merasmikan bengkel berkenaan baru-baru ini.

Ia merupakan anjuran bersama Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai, Majlis Perwakilan Penduduk Zon Lembah Pantai, Persatuan Kebajikan Harapan Utama Kuala Lumpur dan Huroof Seni. Bengkel itu dikendalikan pereka grafik khaligrafi khat,



SEBAHAGIAN peserta bukan Melayu turut mempelajari teknik menulis khat dan tulisan jawi.

Mohammad Abdul Hadi.

Seramai kira-kira 80 peserta kanak-kanak dan orang dewasa daripada pelbagai kaum menghadiri bengkel tersebut.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, pihaknya kesal apabila sebelum ini ada pihak mendakwa beliau membelakangkan tulisan jawi kerana menganjurkan bengkel Kaligrafi Cina di kawasan Parlimen tersebut baru-baru

ini.

Difahamkan Bengkel Kaligrafi Cina sebelum ini diawalkan penganjurannya bagi membolehkan peserta dari kaum Cina dapat membuat persiapan sempena Tahun Baru Cina.

"Saya terasa kerana ada juga komuniti Cina beragama Islam yang turut menyambut Tahun Baru Cina dan masih amalkan kaligrafi Cina," katanya.